

# Malaysia bakal cipta rekod dunia ekspedisi penerbangan

JUM 26 JUN 2001

KUALA LUMPUR 25 Jun — Malaysia bakal mencipta satu lagi rekod dunia apabila Ekspedisi Penerbangan Muhibah ASEAN dijangka tercatat sebagai penerbangan ujian paling jauh pernah dibuat di dunia.

Ekspedisi sejauh melebihi 8,000 batu nautika itu bermula 15 Jun ini akan merentasi kesemua negara ASEAN.

Ia akan disertai oleh 12 juruterbang muda Rakan Rekreasi Udara di bawah program Rakan Muda anjuran Kementerian Belia dan Sukan.

Lima pesawat buatan Malaysia terlibat dalam ekspedisi itu iaitu dua pesawat eksperimental (ujian) Zodiac CH601, sebuah pesawat eksperimental RV6 dan dua buah pesawat ringan iaitu MD3 SME dan Eagle.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa ekspedisi itu, Abdul Latif Endot berkata, beberapa buah negara anggota ASEAN juga akan menyertai ekspedisi itu

bagi mengiringi lima buah pesawat Malaysia mengikut laluan di negara masing-masing.

“Setakat ini, kelab-kelab penerbangan yang juga disertai oleh juruterbang muda dari Singapura, Indonesia, Brunei dan Thailand mengesahkan akan turut serta bagi memeriahkan ekspedisi ini,” ka-

tanya kepada Utusan di sini hari ini.

Menurutnya, ekspedisi itu dijangka memakan masa lebih 100 jam penerbangan dan setiap juruterbang akan ditemani oleh seorang juruterbang profesional bagi membantu mereka terutamanya semasa kecemasan.

Tambah Abdul Latif, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka melancarkan ekspedisi 77 hari bersempena Sukan SEA itu di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Sungai Besi di sini.

“Lebih menarik lagi, secara kebetulan ekspedisi yang bermula 15 Jun sehingga 31 Ogos ini bakal menyaksikan kesemua pesawat itu melakukan lintas hormat semasa perarakan Hari Kebangsaan sebagai tanda berakhirnya ekspedisi,” katanya.

Ekspedisi itu merupakan satu misi unik bertujuan menyampaikan secara simbolik undangan khas Menteri Belia dan Sukan,

Datuk Hishammuddin Hussein kepada negara-negara ASEAN bagi menyertai Sukan SEA, September ini.

Juruterbang muda itu pula ujarnya, akan menjadi ‘duta Malaysia’ menyampaikan undangan itu bagi pihak menteri dengan diterbangkan menggunakan pesawat buatan Malaysia ke setiap ibu negara ASEAN.

Ekspedisi bermula dengan penerbangan ke Bandar Seri Begawan, Manila, Jakarta dan Singapura pada peringkat pertama sebelum kembali semula ke Kuala Lumpur dan diteruskan ke lima buah ibu negara.

“Kita berharap akan dapat menarik lebih ramai lagi belia terlibat dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawan sebegini memandangkan kesemua juruterbang ekspedisi ini sebenarnya merupakan sukarelawan Rakan Muda sendiri,” katanya.